



JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (2) November 2021 (033-049)

Lipas Dan Katak Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

Mohd Syukri Anwar
syukri@dbp.gov.my
Dewan Bahasa dan Pustaka

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my
Program Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima : 7 September 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 23 September 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2021
Published online

Abstrak

Bahasa Melayu kaya dengan metafora, iaitu metafora tradisional. Metafora tradisional terdiri daripada pepatah, simpulan bahasa, peribahasa, pantun dan banyak lagi. Masyarakat Melayu membentuk metafora daripada pemerhatian dari apa-apa yang ada di sekeliling mereka. Hasilnya, kita boleh dapati objek yang dipilih dan makna yang diberi tersulam kemas. Namun, interpretasi yang mendalam diperlukan bagi mencungkil makna sebenar metafora ini. Artikel ini bertujuan menginterpretasi simpulan bahasa ‘lipas kudung’ dan peribahasa ‘katak di bawah tempurung’. Kajian lepas banyak meneliti flora tetapi artikel ini akan memfokuskan kepada serangga dan amphibian. Interpretasi ini melibatkan tiga peringkat, iaitu makna harfiah, makna kognitif dan makna inkuisitif. Konsep rangka rujuk silang akan menjelaskan makna kognitif. Peringkat ini cuba memetakan makna abstrak dan makna konkrit peribahasa tersebut berdasarkan objek yang dipilih. Memandangkan peribahasa ini bersifat implisit, satu lagi peringkat interpretasi adalah munasabah. Peringkat ini dikenali sebagai lapisan inkuisitif bertujuan mencungkil falsafah di sebalik objek terpilih dan maknanya. Dapatan kajian menunjukkan yang kedua-dua objek, lipas dan katak memerikan tingkah laku masyarakat yang dikaji. Lipas menggambarkan pelakuan lincah, cepat dan bijak dalam bertindak. Manakala katak memperlihatkan tingkah laku sebaliknya. Ia membawa maksud pemikiran yang sempit, pemalas dan jahil. Kajian ini membuktikan bahawa metafora tradisional Melayu berbaloi untuk dikaji. Selain daripada pemetaan makna abstrak dan konkrit, falsafah terbenam di sebalik metafora ini telah dibina secara bijaksana

Kata kunci: lipas; katak, peribahasa, semantik inkuisitif, rangka rujuk silang

‘Cockroach’ and ‘Frog’ in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantics Analysis

Abstract

Malay language is very rich with metaphors that is the traditional metaphors. The traditional metaphors consists of the Malay sayings, idioms, proverbs, ‘pantun’ and many more. The Malays formed metaphors from observation of their surroundings. As a result, we can see the objects chosen and the meaning given are

neatly interwoven. Nevertheless, a profound interpretation is needed in order to explicate the intended meaning of these metaphors. This article aims to interpret the idioms of 'lipas kudung' and proverbs 'katak di bawah tempurung'. Previously, many studies have been done on flora but this article will focus on insects and amphibian. The interpretation involves three layers, namely the literal meaning, the cognitive meaning and the inquisitive meaning. The bridging cross reference concept will elucidate the cognitive meaning. It tries to map the abstract meaning and the concrete meaning of the proverbs based on the chosen objects. Since the proverbs are implicit in nature, another layer of interpretation is plausible. This layer is known as the inquisitive layer that seek to unveil the philosophy behind the objects chosen and its meaning. The findings show that both objects, cockroach and frog reflect the behavior of the community. Cockroach reflects the act of nimbleness, fast and clever in action. Meanwhile frog displays the opposite act. It denotes the character of narrow minded, lazy and ignorant. This study proves that Malay traditional metaphors are worth researching. Apart from the mapping of the abstract and concrete meaning, the philosophy embedded in these metaphors are brilliantly constructed.

Keywords: cockroach; frog; proverbs, inquisitive semantics, bridging cross reference

1. Pengenalan

Bahasa seharusnya bukan sekadar berfungsi untuk menyampaikan maklumat, tetapi lebih daripada itu. Oleh sebab itu, kajian tentang bahasa tidak seharusnya tertumpu pada bentuknya sahaja, tetapi perlu diperluas kepada aspek falsafah untuk menggambarkan akal budi bangsa yang menuturkan bahasa tersebut (Hishamudin Isam et. al., 2018). Hal ini terpakai pada semua bahasa, termasuklah bahasa Melayu yang sarat membawa khazanah bangsa Melayu secara khususnya. Hal ini dikatakan demikian kerana khazanah akal budi Melayu menerusi metafora tradisional sememangnya terlalu banyak dan sangat menarik untuk dikaji.

Sebelum itu, perlu diketahui bahawa peribahasa terbentuk daripada minda dan pemikiran Melayu yang menyerlahkan kepekaan masyarakat Melayu terhadap apa-apa yang berlaku di sekeliling mereka (Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, 2017). Menurut Siti Nur Izzaty Salit dan Norsimah Mat Awal (2017), peribahasa ialah khazanah penting, terutamanya dalam bahasa Melayu, dan menjadi alat untuk menyampaikan nasihat dan teguran dalam cara yang paling halus untuk mengelakkan orang yang mendengarnya berkecil hati. Namun begitu, kajian tentang peribahasa bukanlah suatu perkara yang mudah kerana melibatkan unsur pemikiran aras tinggi dan falsafah yang sukar difahami. Oleh sebab itu, tidak hairanlah apabila kajian tentang metafora lebih banyak tertumpu pada metafora linguistik berbanding dengan metafora tradisional.

Kekurangan kajian terhadap metafora tradisional ini juga berlaku kerana kurangnya pengetahuan disebabkan oleh kurangnya pendedahan masyarakat atau sesetengah pengkaji terhadap unsur alam yang melingkungi mereka. Lebih memburukkan keadaan apabila banyak unsur alam yang hilang daripada pandangan mata pada zaman moden ini dan hanya dapat dilihat di tempat tertentu seperti zoo, taman haiwan dan taman tumbuhan. Tanpa ilmu tentang ciri dan sifat unsur yang ada di alam ini, kajian yang melibatkan pemikiran aras tinggi makin sukar dilaksanakan. Jika dilakukan juga, hasil analisis yang dikemukakan hanyalah pada peringkat superfisial, tanpa melibatkan akal budi bangsa yang mencipta peribahasa tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis metafora tradisional yang terdiri daripada satu simpulan bahasa dan satu perumpamaan, iaitu *lipas kudung* dan *katak di bawah tempurung*, masing-masing dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kedua-duanya ini tergolong dalam peribahasa. Perbezaannya ialah simpulan bahasa merujuk kepada peribahasa yang lebih pendek bentuknya, manakala perumpamaan merujuk kepada peribahasa yang lebih panjang yang biasanya ditandakan dengan kehadiran kata tertentu, seperti ibarat, bagai, umpama, bak dan laksana.

2. Kajian Lepas

Kajian tentang haiwan lebih banyak tertumpu pada kajian dalam bidang sains tulen berbanding dengan kajian sains sosial, iaitu menjadikan fizikal haiwan, sama ada bahagian luar atau dalam, sebagai bahan eksperimen di makmal. Namun begitu, kajian tentang imej atau gambaran yang mewakili haiwan masih kurang ditumpukan. Gambaran haiwan ini banyak ditemukan dalam peribahasa sesuatu bangsa dan biasanya sukar ditafsirkan maknanya kerana memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi, serta pengetahuan terhadap haiwan dan kaitannya dengan manusia.

Secara umumnya, kajian tentang peribahasa berjaya menarik minat sarjana tempatan untuk menyelidikinya (Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, 2017). Namun begitu, kajian yang mengkhususkan haiwan dalam peribahasa masih tidak banyak ditumpukan memandangkan imej haiwan yang terdapat dalam peribahasa Melayu terlalu banyak jumlahnya. Antara pengkaji-pengkaji yang pernah menghuraikan imej atau gambaran haiwan termasuklah Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail (2016), Muhammad Zaid Daud (2018), Maulana al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018), Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2020).

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail (2016) menganalisis ikan dalam peribahasa Melayu menggunakan analisis semantik inkuisitif. Ketiga-tiga pengkaji ini berjaya mengelompokkan pelbagai makna ikan dalam domain berhati-hati, jodoh, kebiasaan, khianat, rezeki, sia-sia dan sindiran. Pemilihan ikan berbanding dengan haiwan lain dalam peribahasa Melayu juga dibuktikan menerusi kepelbagaian khasiatnya berdasarkan penyelidikan sains, seperti mudah dicernakan proteinnya, mempunyai pola asid amino yang sama dengan badan manusia, berupaya menghilangkan keletihan, selain meningkatkan keupayaan mental dan fizikal.

Muhammad Zaid Daud (2018) menganalisis ayam (*Gallus gallus domesticus*), burung (Bird), itik (*Anas platyrhynchos*) dan angsa (*Anserini*) yang terdapat dalam peribahasa Melayu dengan memfokuskan domain rezeki dengan menggunakan semantik inkuisitif. Makna yang diperoleh oleh Muhammad Zaid Daud (2018) ialah hidup senang dan mewah bagi imej ayam bertelur, makna baru sahaja dagangan dibuka, telah banyak orang datang membeli bagi imej ayam, makna pendapatan hari ini, lebih baik daripada pendapatan esok bagi imej anak ayam, makna di mana ada rezeki di situ orang berkumpul bagi imej burung, makna di tempat orang mudah mendapat rezeki, banyaklah orang berkumpul bagi imej pipit, makna memperoleh sesuatu yang sangat digemarinya dan orang yang sudah tahu tak perlu diajar bagi imej itik, makna barang yang tiada berguna kepada orang kaya (besar), barulah diberikan kepada orang miskin bagi imej angsa.

Maulana al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2018) pula menganalisis makna burung dalam pantun Melayu yang terdapat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Dengan menggunakan konsep ad hoc dan pendekatan semantik inkuisitif serta pembuktian secara saintifik, kedua-dua pengkaji ini menemukan makna kasih sayang, percintaan dan kesetiaan manusia bagi imej burung merpati, makna status, darjat dan kedudukan antara manusia di dunia ini bagi imej burung pipit, makna kesedihan, kekecewaan dan kedukaan yang dihadapi oleh manusia bagi imej burung tiong.

Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2020) turut menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk mengenal pasti makna implisit bagi imej gajah dalam peribahasa Tamil. Kedua-dua pengkaji ini menjelaskan bahawa penggunaan imej haiwan ini kerana berkait rapat dengan kehidupan masyarakat India. Antara kaitan yang diberikan untuk merungkaikan kewajaran penggunaan gajah ini termasuklah penggunaannya sebagai pengangkat barang berat dan pokok tumbang. Saiznya yang besar pula melambangkan setiap masalah yang besar dapat diselesaikan. Oleh sebab itu, menerusi kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji ini, masih ada ruang yang besar untuk mengkaji haiwan lain dari aspek linguistik, terutamanya dari aspek makna yang

dibawa dengan menggunakan imej haiwan. Sehubungan dengan kajian di atas, kajian ini akan meneruskan kajian mengenai ‘lipas’ dan ‘katak’ bagi menambah kosa ilmu mengenai haiwan dan secara tidak langsung mempamerkan pemikiran Melayu berkaitan haiwan-haiwan tersebut. Oleh sebab pendekatan semantik inkuisitif dapat menjelaskan pemetaan minda daripada abstrak kepada konkrit, maka artikel ini akan terus menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang dipelopori oleh Nor Hashimah (2014).

3. Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji memilih dua peribahasa berkaitan imej atau gambaran haiwan di bawah kategori simpulan bahasa dan perumpamaan. Pemilihan haiwan pula dibataskan pada salah satu daripada tiga ciri, iaitu ciri tempat, ciri mudah dilihat dan ciri diketahui atau dikenali oleh kebanyakan manusia. Bagi ciri tempat, haiwan tersebut perlulah berada di tempat yang biasa dilalui oleh manusia, sama ada di dalam rumah, halaman rumah, kenderaan, dan pejabat. Bagi ciri mudah dilihat pula, haiwan tersebut perlu mudah dilihat oleh manusia. Bagi ciri terakhir, haiwan tersebut mestilah diketahui atau dikenali namanya oleh kebanyakan manusia, iaitu haiwan yang mudah dicam oleh sesiapa sahaja yang melihatnya. Menerusi pertimbangan ini, pengkaji memutuskan untuk memilih imej haiwan lipas dan katak yang terdapat dalam peribahasa *lipas kudung* dan *katak di bawah tempurung* sebagai fokus kajian.

Maklumat yang berkaitan dengan leksikal yang membina peribahasa ini didapatkan, sama ada dari segi makna atau sifatnya. Ayat yang mengandungi kedua-dua peribahasa ini pula dicari menerusi korpus DBP dan dimasukkan ke dalam jadual.

Analisis data akan dilakukan menggunakan tiga tahap. Tahap pertama akan membincangkan makna harfiah leksikal yang terkandung dalam peribahasa dan makna yang diberikan menerusi kamus peribahasa. Tahap kedua akan membincangkan makna berdasarkan konteks berdasarkan Rangka Rujuk Silang terhadap ayat yang diperolehi daripada korpus DBP. Tahap ketiga akan membincangkan makna peribahasa dengan menggunakan semantik inkuisitif, iaitu membincangkan akal budi dalam pemilihan setiap leksikal yang membina metafora tradisional ini. Menurut Muhammad Zaid Daud (2018), kajian yang menggunakan semantik inkuisitif semakin banyak dilakukan dalam kalangan penyelidik tempatan untuk merungkaikan makna peribahasa Melayu.

Di samping itu, dalam analisis tahap ketiga ini juga, pengkaji turut membincangkan faktor penolakan haiwan lain daripada digunakan sebagai simbol haiwan dalam peribahasa ini. Akhir sekali, pengkaji akan memetakan makna abstrak kepada makna konkrit daripada imej haiwan dengan menghasilkan metafora konsepsi untuk mendapatkan falsafah di sebalik peribahasa ini.

4. Analisis Dan Perbincangan

4.1 Simpulan Bahasa *Lipas Kudung*

4.1.1 Tahap 1

Pada tahap 1, makna harfiah bagi simpulan bahasa *lipas kudung* akan dibincangkan. Simpulan bahasa ini terdiri daripada gabungan leksikal *lipas* dan *kudung*. Secara harfiahnya, leksikal *lipas* bermaksud sejenis serangga yang biasa terdapat di rumah (KDE4), manakala maksud leksikal *kudung* pula ialah terkerat atau terpenggal (KDE4). Walau bagaimanapun, disebabkan oleh gabungan kedua-dua leksikal ini bukannya membentuk frasa nama, sebaliknya ialah kata majmuk yang merujuk satu metafora, maka maksud yang diberikan hendaklah berlandaskan makna yang telah ditetapkan dalam kamus simpulan bahasa atau kamus peribahasa. Dalam erti kata lain, makna ini sudah tidak boleh diubah lagi. Berdasarkan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua, *lipas kudung* bermaksud selalu bergerak dengan cepat; selalu sibuk bekerja.

Contoh ayat yang menggunakan simpulan Bahasa *lipas kudung* ialah “Nenek suruh aku bekerja macam lipas kudung.” Apabila makna daripada kamus peribahasa ini diterapkan dalam contoh ayat di atas, maka terhasillah makna “Nenek suruh aku bekerja dengan cepat dan kerap.” Walau bagaimanapun, makna yang terhasil daripada tahap 1 ini hanyalah satu penerimaan daripada makna yang diberikan oleh kamus peribahasa tanpa melibatkan konteks dan kognitif penutur.

4.1.2 Tahap 2

Pada tahap 2, makna yang berdasarkan konteks akan dianalisis berdasarkan Rangka Rujuk Silang. Bagi memahami makna simpulan bahasa *lipas kudung* pada tahap 2 ini, ayat yang menggunakan simpulan bahasa *lipas kudung* didapatkan daripada Korpus DBP. Ayat yang menunjukkan ciri *lipas kudung* ini ditunjukkan dalam Jadual 1. Setelah itu, premis tambahan dicari daripada ayat ini untuk mendapatkan maksud simpulan bahasa *lipas kudung* yang berada dalam konteks penggunaannya.

Jadual 1 Ayat yang mengandungi simpulan bahasa *lipas kudung* (korpus DBP).

Bil.	Ayat
1.	<i>Lincahnya ibu</i> macam lipas kudung. (Shahnon Ahmad. Ibu Adalah Pentafsir & Sungai (Dua Buah Novella). Sastera, 1995)
2.	Dengan <i>laju dipandu</i> macam lipas kudung, Volkswagen itu <i>menyelinap antara bas-bas awam yang berjalan atau berhenti</i> . (Mohd Fadzil Yusof. Terbang Layang-layang. Sastera, 2016)
3.	Seperti lipas kudung, <i>awak berlari kencang, menyusup di celah-celah orang ramai</i> . (Antologi Cerpen Peraduan Penulisan Sastera Kreatif 2013 Anjuran DBP Cawangan Sarawak. Seru. Umum, 2018)
4.	... itu, Hang Berkat merupakan <i>orang yang paling sibuk</i> dalam kawasan istana, seperti lipas kudung lakunya <i>berjalan ke sana kemari; sekejap pergi ke balai gading</i> , di ... (A. Samad Ahmad. Zaman Gerhana. Sastera, 1976)
5.	... terus kembali ke Sabah," katanya yang juga dikenali di kalangan peminat sebagai lipas kudung gara-gara <i>pantas berlari</i> . (Amirullah Andi Nur. 'Lipas kudung' Sabah. Sukan, 2005)
6.	<i>Kakak memasak seorang diri</i> seperti lipas kudung untuk <i>menyediakan makan malam kami</i> . (Asiah Abdul Rahman. Peribahasa Sekolah Rendah. Pendidikan, 2015)
7.	<i>Tentera Belanda lintang-pukang lari</i> bagai lipas kudung mencari <i>tempat perlindungan</i> yang selamat. (Murad Arsad. Puteri Putih. Sejarah, 2019)
8.	Cik Siti <i>memakai tudung</i> , Tudungnya ringkas gaya terkini; <i>Geraknya</i> seperti lipas kudung, <i>Cepat dan tangkas ke sana sini</i> . (Nazel Hashim Mohamad. Pantun Pak Nazel 2. Sastera, 2013)
9.	... Selangor pasti menghadapi <i>kesukaran untuk mengawalnya</i> kerana dia adalah <i>pemain lincah</i> bak lipas kudung di gelanggang. (Bashah Zainol Abidin. Nidzam pikul tugas pemusnah Kedah. Sukan, 1994)
10.	... duduk di bangku yang disediakan oleh anak-anak buah Mama yang <i>bekerja</i> bagaikan lipas kudung <i>sejak tengah malam semalam</i> . (RUHAINI MATDARIN. Hari-Hari Terakhir di Jesselton. 2018)
11.	<i>Dekat rumah</i> macam lipas kudung <i>buat kerja ... tangkas</i> . (Rozninah Abd. Azib. Sehelai Daun Dari Pohon Sidrah. Sastera, 2017)

Berdasarkan Jadual 1, *lipas kudung* menghasilkan makna yang mempunyai beberapa ciri, iaitu manusia dan bukan manusia, kemampuannya untuk memasuki ruang sempit, sifat, perbuatan, tempat dan kehebatan. Setiap ciri ini diperoleh daripada premis tambahan yang terdapat dalam setiap ayat dalam Jadual 1.

Ciri manusia ditunjukkan daripada premis tambahan *ibu* (1), *awak* (3), *orang* (4), *kakak* (6), *tentera* (7), *cik siti* (8), dan *pemain* (9), manakala ciri bukan manusia ditunjukkan daripada premis tambahan *dipandu* (2) dan *Volkswagen* (2). Ciri kemampuannya untuk memasuki ruang sempit diketahui berdasarkan premis tambahan *menyelinap* (2) dan *menyusup* (3).

Kemudian, ciri yang menunjukkan sifat pula disumbangkan oleh premis tambahan *lincah* (1) dan (9), *laju* (2), *kencang* (3), *paling sibuk* (4), *sekejap pergi ke* (4), *pantas* (5), *cepat* dan *tangkas* (8). Ciri dari segi perbuatannya ditunjukkan melalui premis tambahan *lari* (3), (5) dan (7), *memasak* (6), *menyediakan* (6), *lintang-pukang* (7), *memakai* (8), *ke sana sini* (8) dan *bekerja* (10).

Seterusnya, ciri tempat ditunjukkan daripada premis tambahan *antara bas-bas* (2), *di celah-celah* (3), *kawasan istana* (4), *tempat perlindungan* (7) dan *dekat rumah* (11). Ciri kehebatan dibuktikan menerusi premis tambahan *seorang diri* (6), *kesukaran untuk mengawalnya* (9), dan *sejak tengah malam semalam* (10).

Berdasarkan bukti ini, maksud simpulan bahasa *lipas kudung* berdasarkan konteks ini ialah manusia atau bukan manusia yang mempunyai kemampuan dan kehebatan dari segi sifat dan perbuatan di pelbagai tempat.

4.1.3 Tahap 3

Pada tahap 3 ini, analisis dilakukan dengan menggunakan semantik inkuisitif, iaitu membincangkan akal budi dalam pemilihan setiap leksikal yang membina metafora simpulan bahasa *lipas kudung*.

4.1.3.1 Pemilihan Lipas

Lipas ialah haiwan atau lebih tepatnya serangga yang mudah ditemukan di rumah, terutamanya yang tidak dijaga kebersihannya sehingga menyebabkan rumah menjadi kotor (MY NEW PEST CONTROL, <https://mynewpestcontrol.wordpress.com/2018/09/28/4-tanda-mudah-kehadiran-lipas/>). Oleh sebab itu, lipas ialah suatu yang bermanifestasi kepada pendengar. Dari segi fizikalnya, lipas ini bersaiz kecil. Saiz yang kecil ini ialah suatu kelebihan dari segi tindakan untuk bergerak dan berhenti.

Persekitaran kognitif pendengar membekalkan maklumat bahawa manusia yang bersaiz kecil biasanya bersifat lincah, pantas dan hebat. Sebab itulah adanya simpulan bahasa *kecil-kecil si cali padi* yang menunjukkan kehebatan walaupun bersaiz kecil. Dari segi fizik, ada istilah inersia dan momentum untuk menggambarkan pegun (diam) dan gerakanya objek. Inersia merujuk daya (tenaga) yang diperlukan untuk menggerakkan suatu objek. Makin kecil objek itu, makin sedikit daya (tenaga) yang diperlukan, seterusnya menyebabkan objek ini lagi cepat untuk digerakkan daripada keadaan pegun (Physics Stack Exchange, <https://physics.stackexchange.com/questions/178837/inertia-vs-momentum>). Maka, lipas yang bersaiz kecil mempunyai daya inersia yang tinggi, iaitu cepat untuk memulakan tindakan gerakanya.

Apabila telah bergerak, satu-satu objek itu akan mempunyai tenaga kinetik yang dipanggil momentum. Semakin besar saiz objek, semakin tinggi momentumnya. Semakin tinggi momentum pula, semakin sukar untuk objek tersebut dihentikan daripada pergerakannya, dan begitulah sebaliknya (Physics Stack Exchange, <https://physics.stackexchange.com/questions/178837/inertia-vs-momentum>). Oleh sebab itu, keadaan ini memberikan kelebihan kepada lipas yang bersaiz kecil. Dengan saiz yang kecil, selaju mana pun lipas bergerak, momentumnya rendah, seterusnya lipas mudah untuk memberhentikan pergerakannya secara tiba-tiba.

Selain itu, persekitaran kognitif pembaca juga memberitahu bahawa lipas ini boleh bergerak di tempat sempit dan lapang. Bagi tempat sempit, lipas tidak mempunyai masalah untuk bergerak kerana lipas mempunyai keupayaan untuk mencelah dan menyusup di celah-celah atau antara

ruangan sempit untuk melepasi ke bahagian yang satu lagi. Sama ada celah sempit itu berbentuk vertikal, seperti celah antara almari dengan dinding atau berbentuk horizontal, seperti celah antara peti ais dengan lantai, hal itu tidak menjadi masalah kerana lipas mempunyai saiz badan yang leper. Untuk menyusup di celah vertikal, lipas akan berjalan di dinding atau tepi almari, dan untuk menyusup di celah horizontal, lipas akan berjalan di bawah peti ais atau atas lantai. Hal ini menyebabkan badan lipas yang leper itu muat-muat untuk melepasi ruang tersebut.

Yang lebih mengagumkan adalah apabila lipas juga mampu menyelit di celah-celah sempit yang saiznya lebih kecil daripada saiz badan lipas. Hal ini dikatakan demikian kerana lipas boleh mengecilkan badan sebanyak 40-60% daripada ukuran asalnya dan menahan tekanan berat 900 kali ganda daripada badannya (THEMAGAZINE, <https://ms.icreb.org/5116-10-most-incredible-insect-facts.html>).

Selain itu, sesungut lipas dapat menyukat sama ada ruang yang akan dilaluinya itu dapat dilepasinya atau tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana saiz sesungut lipas menyamai saiz panjang badannya. Sebagai contohnya, saiz antena lipas dewasa spesies *P. americana* menyamai saiz panjang badannya, iaitu lebih kurang 40 mm (SCHOLARPEDIA, http://www.scholarpedia.org/article/Cockroach_antennae#:~:text=Cockroach%20antenna).

Walau bagaimanapun, situasi yang berbeza berlaku di tempat yang lapang yang mendedahkan lipas kepada ancaman dalam sudut 360 darjah kerana dirinya mudah dilihat, seterusnya diserang oleh musuh. Oleh sebab itu, Allah membekalkan lipas rerambut halus yang dapat mengesan kehadiran objek lain di sekitarnya tanpa lipas perlu melihatnya (MY NEW PEST CONTROL, <https://mynewpestcontrol.wordpress.com/2018/09/28/4-tanda-mudah-kehadiran-lipas/>). Apabila rerambut halus ini memberikan isyarat tentang kehadiran objek lain, lipas akan segera mencari tempat perlindungan. Walau bagaimanapun, usaha mencari tempat perlindungan di tempat lapang dan terdedah bukanlah suatu tugas yang mudah.

Sekali lagi, rupa-rupanya, lipas dibekalkan dengan sistem otak pintar (Douglas Fox, 2007, <https://www.discovermagazine.com/mind/consciousness-in-a-cockroach>) yang dapat membantunya berfikir dengan pantas untuk menyelamatkan dirinya. Proses ini perlu berlaku dalam tempoh yang sangat singkat kerana musuhnya, seperti manusia, juga akan bertindak pantas untuk membunuh lipas tersebut. Maka, lipas ini perlu lebih pantas berfikir dan bergerak melebihi kepantasan musuhnya supaya menang dalam situasi berkenaan.

Pada situasi itu, ensiklopedia pembaca sudah dapat memberikan maklumat bahawa pemenangnya ialah lipas kerana manusia akan terkejut dahulu setelah melihat lipas, kemudian barulah berfikir untuk membunuhnya. Untuk membunuh lipas pula, manusia perlu mencari objek pemukul atau penyembur racun untuk membunuhnya. Sebaik-baik sahaja manusia sudah bersedia untuk membunuh lipas ini, sama ada dengan pemukul atau penyembur racun, lipas ini sudah pun hilang daripada pandangan mata manusia.

Lesapnya lipas dengan begitu cepat ini pasti menimbulkan kehairanan kepada manusia. Seperti yang dinyatakan di atas, kepantasan otak untuk berfikir perlu seiring dengan kepantasan fizikalnya. Jadi, sebenarnya, lipas mempunyai kepelbagaian kelajuan larian, bermula daripada kelajuan perlahan sehinggalah kelajuan tertinggi. Hal ini dapat diibaratkan sebagai sebuah kereta yang turut mempunyai kepelbagaian kelajuan pemanduan. Untuk memahaminya, eloklah diketahui tentang sistem kelajuan kereta terlebih dahulu.

Persekitaran kognitif pembaca pada masa ini menyatakan bahawa untuk menggerakkan kereta manual daripada keadaan pegun (diam), pemandu perlu menggunakan gear satu. Jika gear lain digunakan apabila kereta statik, maka kereta akan tersentak ke depan dan menyebabkan enjinnya mati. Apabila kereta telah bergerak pula, pemandu akan menukar gear daripada gear 1 kepada gear 2, gear 3, gear 4, dan sehinggalah kepada gear tertinggi, iaitu gear 5 bagi kereta yang mempunyai

sistem lima kelajuan. Jika pemandu terus menukar kepada gear paling tinggi apabila kereta berada dalam gear 1, pedal minyak yang ditekan tidak mampu menggerakkan kereta dan biasanya kereta akan terenjut-enjut dan mati enjinnya.

Kemudian, apabila kereta telah mencapai kelajuan tinggi menggunakan gear 5, dan tiba-tiba kereta perlu diperlahankan, pemandu tidak boleh terus menukar gear 5 ini kepada gear 1. Jika dilakukan juga, gigi gear akan rosak disebabkan dipaksa untuk menampung pusingan gear yang lebih laju. Sebab itulah, kereta akan kedengaran “mengaum” jika hal ini dilakukan. Biasanya, pemandu perlu menekan brek dan dalam masa yang sama menurunkan gear secara satu demi satu daripada gear 5 kepada gear yang lebih rendah supaya nisbah antara kelajuan gear dengan kelajuan kereta adalah sepadan.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, hal yang sebaliknya diperlukan. Apabila pemandu menuruni bukit, kereta akan bergerak dengan lebih laju walaupun pedal minyak tidak ditekan. Oleh sebab itu, di kawasan menuruni berbukit, biasanya ada papan tanda yang meminta pemandu menggunakan gear rendah. Hal ini untuk memastikan kelajuan kereta disekat pada gear rendah.

Setelah kepelbagaian kelajuan kereta ini difahami, barulah pembaca dapat mengaitkannya dengan kepelbagaian kelajuan larian yang dimiliki oleh lipas. Jika kereta mempunyai sistem gear untuk menentukan kelajuannya, lipas pula mempunyai gaya larian untuk menentukan kelajuan lariannya. Sebelum itu, perlu diketahui bahawa lipas mempunyai enam kaki. Sepasang di hadapan, sepasang di tengah dan sepasang di belakang.

Menurut Tom Weihmann, Pierre-Guillaume Brun dan Emily Pycroft (2017) yang mengkaji lipas spesies *Nauphoeta cinerea*, lipas ini berlari dengan gaya tripodal bergantian, iaitu kaki tengah di salah satu sisi badan serta kaki depan dan belakang di sisi badan satu lagi, menyentuh tanah pada masa yang sama. Walau bagaimanapun, gaya larian ini mempunyai kekurangan kerana tidak laju dan menggunakan banyak tenaga serta menghilangkan kestabilan badan lipas. Bagi mengatasinya, lipas akan menukar gaya larian tadi ini kepada gaya berlari metakronal. Menerusi gaya larian baru ini, semua kaki di satu sisi diangkat dari tanah, dari kaki depan ke tengah dan kaki belakang. Seterusnya, tindakan ini membolehkan kaki-kaki ini menyentuh tanah dalam urutan yang sama.

Berdasarkan maklumat daripada laman sesawang HORNE’S PEST CONTROL, <https://www.hornespestcontrol.com/cockroaches/>, lipas boleh menukar arah sebanyak 25 kali dalam masa satu saat. Jika kakinya patah, kaki tersebut boleh tumbuh semula. Walaupun kakinya hanya enam, tetapi lututnya ada 18. Dari segi kepantasan, kelajuannya boleh mencapai 3 batu sejam.

Menerusi carian di PestCtrl.BIZ, <https://ms.pestctrl.biz/tarakany/vse-o-tarakanah/skolko-nog-u-tarakanov/#i-3>, lipas mempunyai kaki protorasik yang lebih pendek daripada kaki yang lain yang akan berfungsi sebagai brek untuk memberhentikan dirinya yang sedang bergerak laju. Lipas juga mempunyai sepasang kaki pertengahan sternal yang boleh bergerak dalam arah yang berbeza, seterusnya memberikan daya bergerak yang tinggi. Kaki pada bahagian belakang pula merupakan kaki untuk berjalan yang paling utama dan berupaya menggerakkan badan lipas ke hadapan. Oleh sebab itu, dengan bantuan kaki belakang ini, lipas tidak hanya berjalan, tetapi berjalan sambil menolak dirinya dengan kaki belakang yang panjang.

Menurut Talal Al-Khatib (2013), kaki lipas ini sememangnya dicipta secara khusus untuk berlari. Jika manusia berlari secepat beberapa spesies lipas yang mencapai kelajuan maksimumnya, manusia memerlukan 200 batu sejam untuk meliputi jarak yang sama dari segi nisbah saiz badannya.

Di samping itu, lipas berupaya untuk hidup selama 10 hari tanpa kepala. Menurut Charles Choi (2007), keupayaan lipas untuk hidup tanpa kepala selama beberapa minggu ini disebabkan oleh sistem peredaran darahnya yang terbuka, tidak seperti manusia yang mempunyai sistem peredaran

darah tertutup. Apabila manusia dipenggal kepalanya, berlaku perdarahan yang sangat banyak dan manusia itu mati disebabkan oleh perdarahan yang terlalu banyak di samping tekanan darah yang akan menurun dengan cepatnya. Bagi lipas, apabila kepalanya dipenggal, darah pada bahagian yang dipenggal akan membeku, seterusnya darah di dalam badan masih boleh beredar seperti biasa. Malah, lipas juga mempunyai ketahanan hidup yang tinggi kerana mampu hidup tanpa makan selama beberapa hari. Makanan yang dimakan oleh lipas untuk satu hari mampu membekalkannya tenaga untuk bertahan dalam tempoh satu minggu.

Ciri lipas yang dinyatakan ini dihubungkan semula dengan premis tambahan yang diperoleh daripada korpus DBP untuk memahami makna abstrak simpulan bahasa ini. Ciri kemampuan lipas untuk memasuki ruang sempit dapat dihubungkan dengan premis tambahan *menyelinap* (2) dan *menyusup* (3).

Dalam masa yang sama, sistem otak lipas yang pintar menunjukkan manusia mampu melaksanakan pelbagai perkara dengan menggunakan otaknya. Otak manusia mampu membantu untuk membuat keputusan tentang kerja yang perlu disiapkan dahulu dan cara untuk menyiapkannya dengan lebih pantas.

Sifat lipas yang laju dan bergerak pada pelbagai arah pula dapat dihubungkan dengan premis tambahan *lincah* (1) dan (9), *laju* (2), *kencang* (3), *paling sibuk* (4), *sekejap pergi ke* (4), *pantas* (5), *cepat* dan *tangkas* (8). Kemampuan untuk bergerak pelbagai arah ini menunjukkan seseorang itu bukan sekadar boleh melakukan kerja dengan cepat tetapi banyak kerja dengan cepat dalam masa yang sama.

Rerambut halus yang boleh mengesan pergerakan yang menghampirinya juga mampu menerangkan mengapa polis tidak dapat menangkap pencuri atau pemain lain tidak dapat mengejar pemain yang berlari seperti lipas kudung. Hal ini seolah-olah pencuri dan pemain tersebut mempunyai pengesan pada dirinya yang dapat membantu mengelakkannya daripada ditangkap oleh polis atau dikejar oleh pemain lain. Kesensitifan rerambut ini juga dapat dikaitkan dengan kesensitifan manusia untuk memulakan kerja dengan cepat. Apabila kerja cepat dimulakan, maka cepatlah kerja tersebut dapat disiapkan.

Malah, lipas yang aktif bergerak ini dapat dihubungkan dengan premis tambahan *lari* (3), (5) dan (7), *memasak* (6), *menyediakan* (6), *lintang-pukang* (7), *memakai* (8), *ke sana sini* (8) dan *bekerja* (10).

Seterusnya, lipas yang boleh pergi ke merata-rata tempat ditunjukkan daripada premis tambahan *antara bas-bas* (2), *di celah-celah* (3), *kawasan istana* (4), *tempat perlindungan* (7) dan *dekat rumah* (11). Kehebatan lipas yang mampu hidup tanpa kepala pula dihubungkan dengan premis tambahan *seorang diri* (6), *kesukaran untuk mengawalnya* (9), dan *sejak tengah malam semalam* (10).

Daripada pemetaan ini, terjawablah pemilihan lipas dalam simpulan bahasa lipas kudung. Selain itu, dari segi falsafahnya, orang Melayu ingin mengangkat atau menunjukkan bahawa sifat kekurangan itu bukanlah satu penghalang kepada kejayaan. Walaupun leksikal kudung itu menunjukkan kelemahan dan ketidakupayaan, kelemahan itu sebenarnya boleh menjadi asas kepada satu kekuatan baharu untuk mencapai kejayaan.

4.1.3.2 Penolakan Haiwan Lain

Jika aspek kepantasan semata-mata yang dilihat dalam simpulan bahasa *lipas kudung* ini, maka ada pilihan haiwan lain yang lebih popular, seperti cheetah. Menerusi laman sesawang Awesci.com, <http://awesci.com/is-cheetah-no-longer-the-fastest-land-animal/>, walaupun Cheetah ialah haiwan darat ter pantas kerana kelajuan mutlaknya di darat adalah tertinggi, iaitu antara 112 hingga 120 km

sejam, tetapi apabila menggunakan kelajuan relatif, iaitu pengukuran kelajuan yang dilakukan berdasarkan jumlah panjang badan yang boleh menempati satu tempat dalam satu saat, Cheetah bukanlah haiwan ter pantas. Yang lebih mengejutkan berdasarkan laman sesawang ini, dengan menggunakan kelajuan relatif, lipas (50 kali panjang badan sesaat) merupakan haiwan ketiga ter pantas di dunia selepas kumbang harimau Australia (171 kali panjang badan sesaat) dan ketam hantu (100 kali panjang badan sesaat).

Berbanding cheetah, babi hutan lebih bermanifestasi untuk digunakan sebagai haiwan yang melambangkan kepantasan kerana sering ditemukan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Malah, dalam persekitaran kognitif pembaca, babi hutan ini berlari dengan sangat pantas, dan sering meluru ke hadapan (myMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/04/43633/babi-hutan-masuk-bandar>). Namun begitu, jika kedua-dua haiwan ini dipilih untuk menggantikan lipas, ciri mampu menyelit, bergerak dengan lincah ke sana ke mari sudah tidak dapat digunakan kerana kedua-dua haiwan ini bersaiz agak besar dan sukar untuk menyelit. Malah, jika ia kudung, haiwan ini langsung tidak mampu berjalan, apatah lagi untuk berlari.

4.2 Perumpamaan *Katak Di Bawah Tempurung*

4.2.1 Tahap 1

Perumpamaan ini terdiri daripada gabungan leksikal *katak*, *di*, *bawah* dan *tempurung*. Secara harfiahnya, leksikal *katak* bermaksud sejenis binatang yang melompat, berkaki renang, berkulit licin, dan tidak berekor (KDE4). Leksikal *bawah* menunjukkan arah atau bahagian yang lebih rendah (KDE4). Leksikal *tempurung* pula bermaksud kulit yang keras pada beberapa jenis buah, terutamanya kulit buah kelapa (KDE4). Gabungan keempat-empat leksikal ini membentuk metafora tradisional yang mempunyai makna tetap yang tidak boleh diubah. Berdasarkan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua, *katak di bawah tempurung* bermaksud sangat picik (sedikit) pengetahuannya.

Contoh ayat yang menggunakan perumpamaan *katak di bawah tempurung* ialah “Saya tidak mahu menjadi katak di bawah tempurung”. Apabila makna daripada kamus peribahasa ini diterapkan dalam contoh ayat di atas, maka terhasillah makna “Saya tidak mahu menjadi orang yang sangat picik (sedikit) pengetahuannya”. Oleh sebab makna ini sudah tetap, maka sukar untuk memahaminya tanpa mengetahui konteks yang bersesuaian dengannya, apatah lagi untuk mengaitkannya dengan kognitif penutur.

4.2.2 Tahap 2

Pada tahap 2, makna yang berdasarkan konteks akan dianalisis berdasarkan Rangka Rujuk Silang. Bagi memahami makna perumpamaan *katak di bawah tempurung* pada tahap 2 ini, ayat yang menggunakan perumpamaan ini didapatkan daripada Korpus DBP. Ayat yang menunjukkan ciri *katak di bawah tempurung* ini ditunjukkan dalam Jadual 2. Setelah itu, Rangka Rujuk Silang digunakan untuk mencari premis tambahan daripada ayat ini untuk mendapatkan maksud perumpamaan *ciri katak di bawah tempurung* yang berada dalam konteks penggunaannya.

Jadual 3 Ayat yang mengandungi perumpamaan *katak di bawah tempurung* (Korpus DBP).

Bil.	Ayat
1.	... lagi sudah ada <i>pemikiran</i> dalam UMNO bahawa <i>orang Melayu</i> dengan <i>perniagaan</i> ibarat katak di bawah tempurung, <i>dunianya sempit dan gelap</i> dan <i>perlu pertolongan</i> . (Aishah Ghani. Aishah Ghani Memoir Seorang Pejuang. 1992)
2.	<i>Saya tidak mahu menjadi</i> katak di bawah tempurung. (Einstein Inspirasi Amalina. Pendidikan, 2005)
3.	" <i>Remaja harus merebut peluang meluaskan minda dan pengetahuan</i> supaya <i>tidak menjadi</i> katak di bawah tempurung," ujarinya. (Rosniza Mohamad. Alaf baru sambung cita-cita yang tertangguh. Rencana, 1999)
4.	<i>Kita tidak boleh</i> berlagak seperti katak di bawah tempurung <i>tanpa mengambil kisah dan tahu</i> terhadap perkara yang menimpa ... (Sanusi Abdul Hamid. Dunia Islam tidak lagi mampu untuk bertelagah. Surat Pembaca, 2002)
5.	... yang pasti, <i>kita perlu berusaha bersungguh-sungguh</i> untuk <i>mengubah sikap lelaki</i> yang seperti katak di bawah tempurung walaupun kita telahpun maju ke era yang lebih sofistikated. (Norzilawati Abdul Halim. Wanita perlu tuntutan hak. Wanita, 2000)
6.	<i>Mereka tidak mahu hidup</i> seperti katak di bawah tempurung dengan hanya <i>terperuk di dalam</i> kawasan kampus. (Minda November 2001. Pendidikan, 2001)
7.	" <i>Jangan berfikir macam</i> katak di bawah tempurung Bella. (Aminah Mokhtar. Ruyung Emas. Keluarga, 2018)

Berdasarkan Jadual 3, perumpamaan *katak di bawah tempurung* menunjukkan beberapa premis tambahan yang membentuk beberapa ciri. Ciri ini ialah manusia, bentuk pemikiran, bentuk kehidupan dan bentuk sikap, tidak diinginkan, boleh diatasi, hal tertentu, kekurangan pengetahuan, dan memerlukan bantuan.

Ciri manusia bagi perumpamaan ini disumbangkan oleh premis tambahan *orang Melayu* (1), *saya* (2), *remaja* (3), *kita* (4) dan (5), *lelaki* (5) dan *mereka* (6). Ciri perumpamaan ini dari segi bentuk ialah bentuk pemikiran, bentuk kehidupan dan bentuk sikap. Bentuk pemikiran ditunjukkan oleh premis tambahan *pemikiran* (1) dan *berfikir* (7), bentuk kehidupan ditunjukkan oleh premis tambahan *hidup* (6) dan bentuk sikap ditunjukkan oleh premis tambahan *sikap* (5).

Seterusnya, ciri tidak diinginkan dibuktikan daripada premis tambahan *tidak mahu* (2) dan (6), *tidak menjadi* (3), *tidak boleh* (4), *mengubah* (5) dan *jangan* (7). Ciri yang menunjukkan boleh diatasi pula disumbangkan oleh premis tambahan *merebut peluang* (3), *meluaskan minda dan pengetahuan* (3) dan *berusaha bersungguh-sungguh* (5).

Kemudian, ciri hal tertentu dapat difahami berdasarkan premis tambahan *perniagaan* (1). Ciri kekurangan pengetahuan pula diketahui berdasarkan premis tambahan *dunianya sempit dan gelap* (1), *tanpa mengambil kisah dan tahu* (4) dan *terperuk di dalam* (6). Ciri terakhir, iaitu memerlukan pertolongan dapat difahami daripada premis tambahan *perlu pertolongan* (1).

Menerusi premis tambahan dalam Rangka Rujuk Silang ini, perumpamaan *katak di bawah tempurung* dapat difahami sebagai manusia yang kehidupan, pemikiran dan sikapnya yang kurang berpengetahuan, tetapi sebenarnya boleh dibantu kerana tidak menginginkan keadaan sedemikian.

4.2.3 Tahap 3

Pada tahap 3 ini, analisis dilakukan dengan menggunakan semantik inkuisitif, iaitu membincangkan akal budi dalam pemilihan setiap leksikal yang membina metafora perumpamaan *katak di bawah tempurung*.

4.2.3.1 Pemilihan Katak

Secara umumnya, katak sejenis haiwan amfibia yang memiliki mata yang menonjol, tidak ada ekor, dan kaki belakang yang kuat dan berselubung yang disesuaikan untuk melompat dan berenang. Haiwan ini juga mempunyai kulit yang lembut dan lembap. Sebilangan besarnya hidup di air, dan sebilangan kecil hidup di darat, di liang, atau di pokok.

Berdasarkan laman sesawang IDNTIMES, <https://www.idntimes.com/life/inspiration/ramdan-7/7-sifat-teladan-yang-patut-kita-ditiru-dari-seekor-katak-c1c2/5> pula, katak mempunyai tujuh sifat yang dapat diambil pengajaran oleh manusia. Sifat ini ialah mudah beradaptasi, selalu menatap ke depan, sabar dan berproses, berani mengambil tindakan, memiliki jiwa petualang, gesit dan lincah, dan periang.

Selain itu, katak mempunyai mata yang mampu melihat di dalam gelap (ScienceDaily, <https://www.sciencedaily.com/releases/2017/02/170228131001.htm>). Hal ini disebabkan oleh katak mempunyai sejenis rod di dalam mata yang mempunyai dua kepekaan yang berbeza yang tidak ditemukan pada vertebrata lain, termasuklah manusia.

Katak juga dikatakan sebagai haiwan yang paling malas di dalam dunia (Wartakotalive.com, <https://wartakota.tribunnews.com/2015/07/16/binatang-termalas-di-dunia-ternyata-katak-bukan-keong>). Hal ini dikatakan demikian apabila ditemukan seekor katak yang menumpang seekor siput babi untuk bergerak ke sana dan ke mari. Walaupun persekitaran kognitif pembaca membekalkan maklumat bahawa siput babi ialah haiwan yang paling perlahan, tetapi katak tersebut masih sanggup bersabar untuk tidak berjalan sendiri, sebaliknya menumpang siput babi tersebut untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Menurut Siti Zainon Ismail (2014) daripada pesan neneknya, katak mempunyai banyak tempurung kerana tidak tinggal lama di dalam satu-satu tempurung, sebaliknya hanya bersembunyi daripada musuh atau berlindung daripada hujan. Apabila waktu siang, katak ini akan melompat semula. Setelah itu, katak ini akan berteduh lagi dengan mencari tempurung lain untuk berlindung. Tambah Siti Zainon Ismail (2014) lagi, katak hanya lambang supaya anak-anak menjadi bijak, suka belajar, menulis dan membaca. Katak juga melalui kehidupan, iaitu berkebun, memancing, dan bercita-cita ingin terbang.

Berdasarkan Koboi Ternak Trading, di dalam air mendidih, katak ini tidak akan lari. https://web.facebook.com/KoboiTernakTrading/posts/sifat-manusia-dengan-katakletakkan-katak-hidup-di-dalam-air-mendidih-adakah-ia-a/878693472258108/?_rdc=1&_rdr, jika katak diletakkan. Bagi membolehkan katak ini terus berada di dalam air mendidih tersebut, katak ini akan menyesuaikan dirinya dengan suhu air. Namun begitu, apabila suhu air semakin tinggi dan air menjadi terlalu panas sehingga katak tidak mampu menyesuaikan dirinya lagi, katak akan mati. Oleh sebab itu, walaupun secara literalnya, air mendidih itu yang menyebabkan katak itu mati, tetapi hakikatnya, sikap dan mentalitinya sendiri yang tidak mahu keluar dan mengubah nasibnya dari keadaan tersebut yang menyebabkan dirinya mati. Keadaan ini dipanggil dalam psikologi sebagai *Boiling Frog syndrome*. Sindrom ini suatu yang berbahaya kerana merugikan diri sendiri jika tiadanya keinginan untuk berubah.

Menurut onerichtechology, <https://onerichtech.wordpress.com/2016/07/27/apakah-maksudnya-ibarat-katak-di-bawah-tempurung/>, katak ialah haiwan yang menggelikan untuk dipegang, apatah lagi untuk diajak berkawan. Katak bawah tanah (*Cyclorana alboguttata*) pula mampu hidup di dalam tanah bertahun-tahun tanpa makanan dan air. Katak ini boleh tidur dalam tempoh yang sangat lama kerana mempunyai sel mitokondria. Menerusi proses gandingan mitokondria, katak dapat memaksimumkan tenaga supaya dapat bertahan hidup dengan cara

meningkatkan jumlah tenaga yang diperoleh per satu unit tenaga yang digunakan. Dengan cara ini, katak ini tidak akan kehabisan tenaga.

Katak bernafas dengan paru-paru ketika berada di darat, dan menggunakan kulit ketika berada di dalam air (Tarahap, 2019). Oleh sebab katak bernafas menggunakan kulit, katak perlu hidup di kawasan yang lembab. Dengan beradanya di kawasan lembab pula, kulit katak sentiasa basah dan lembab. Seterusnya, keadaan ini membolehkan proses pernafasan berlaku melalui kulit. Secara terperinci, pertukaran oksigen dan karbon dioksida berlaku melalui kulit melalui penyebaran, kemudian disalurkan ke kapilari di bawah kulit. Maka, kulit katak yang basah dan lembab ini berfungsi untuk mengikat oksigen dan sebagai tempat pertukaran oksigen dan karbon dioksida.

Menurut laman sesawang zulsadon.com, <https://zulsadon.com/katak-oh-katak/>, katak duduk di bawah tempurung kerana lahiriah katak itu yang berkehendak kepada kelembapan dan persekitaran yang sejuk dan berlandung daripada ancaman pemangsa yang memburunya. Setelah katak berasa selamat atau cukup rehat, katak akan keluar mencari makan bagi meneruskan kelangsungan hidupnya. Setelah itu, katak ini akan pulang untuk berhibernasi semula.

Setelah diterangkan perihal tentang katak ini, maka persoalan pemilihan katak akan dijawab. Dari segi falsafahnya, katak mempunyai beberapa ciri yang menyamai manusia. Haiwan ini mampu beradaptasi dengan sekitarnya dengan cara mengubah suai warna kulitnya untuk menyamar. Hal ini sama seperti manusia yang berupaya untuk beradaptasi dan berpura-pura apabila keadaan memerlukan.

Katak juga akan makan serangga perosak tanaman, seperti lalat. Jika tidak ditangkap, serangga ini membawa keburukan kepada manusia. Hal ini dapat diibaratkan sebagai manusia yang suka membantu orang lain. Walaupun suka membantu orang lain, ada katak yang akan makan katak lain. Hal ini pula disamakan dengan manusia yang suka mengambil kesempatan terhadap orang lain. Katak juga berupaya hidup dua alam. Walaupun manusia tidak mampu hidup di dua alam, setidaknya, manusia boleh tinggal di hampir semua tempat tanpa mengira cuaca terlampau sejuk seperti di eskimo atau terlalu panas seperti di padang pasir.

Selain itu, katak suka melompat tinggi dengan menggunakan kakinya. Manusia juga boleh pergi sehingga ke bulan menjadi angkasawan. Haiwan ini turut mementingkan privasi, begitu juga dengan manusia yang tidak suka jika hal peribadinya diketahui oleh orang lain. Katak juga merupakan haiwan penjelajah yang dapat diibaratkan sebagai manusia yang suka melancong dan merantau.

Kemudian, katak suka menyanyi ketika gembira. Manusia juga melakukan hal yang sama. Dari segi ketahanan, katak mampu bertahan dan menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling yang susah. Ciri ini juga dimiliki oleh manusia yang sanggup hidup dalam keadaan susah dan tidak mahu berubah. Mata katak sentiasa memandang ke depan untuk memberikan tumpuan pada benda yang berada di hadapannya, begitu juga dengan manusia yang mampu fokus ke depan.

4.2.3.2 Pemilihan Tempurung

Menurut onerichtechnology, <https://onerichtech.wordpress.com/2016/07/27/apakah-maksudnya-ibarat-katak-di-bawah-tempurung/>, tempurung kelapa di halaman rumah merupakan suatu perkara yang lazim dalam masyarakat dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana boleh dikatakan bahawa pokok kelapa boleh ditemukan di setiap kawasan rumah. Makin banyak pokok kelapa di kawasan rumah seseorang itu, makin kayalah orang itu pada pandangan masyarakat.

Berdasarkan laman sesawang ewaliman.blogspot, <https://ewaliman.blogspot.com/2020/02/deb.html>, tempurung kelapa ialah bahagian keras antara sabut dengan isi. Makin besar tempurung kelapa, makin besarlah isinya. Pada tahap paling asas,

tempurung kelapa digunakan sebagai bahan bakar untuk menghidupkan api untuk tujuan memasak kerana mudah menyala dan tahan lama. Tempurung kelapa juga turut digunakan sebagai pemanas bagi penggosok baju antik zaman dahulu.

Menurut ewaliman.blogspot, <https://ewaliman.blogspot.com/2020/02/deb.html> lagi, tempurung kelapa mempunyai bahagian jantan dan betina. Tempurung jantan ialah bahagian bawah yang tidak mempunyai lubang dan tempurung betina pula ialah bahagian atas dan mempunyai lubang. Oleh sebab tidak berlubang, tempurung jantan lebih banyak digunakan untuk mengisi sesuatu kerana tidak bocor dan ia juga lebih tahan. Dalam kalangan orang miskin, tempurung kelapa digunakan sebagai ganti pinggan dan gelas. Bagi tempurung kelapa yang bersaiz besar, tempurung ini dijadikan sebagai penyukat beras.

Tempurung bersaiz tebal, keras, tahan lama, serta kalis suhu dan kalis cahaya yang menjadi tempat yang selesa bagi katak. Saiznya yang ringan menyebabkan ia mudah ditolak dari dalam. Tempat belahan tempurung pula biasanya rata dan mudah melekat di tanah dan menyebabkan sukar diangkat atau diterbalikkan melainkan dikorek sedikit bahagian yang melekat pada tanah.

Dari segi falsafahnya, makna tempurung ini dipetakan kepada makna pelindung atau pendinding kepada orang yang berada di bawahnya. Sifat tebal menyebabkan nasihat tidak dapat tembus ke dalamnya. Sifatnya yang kalis suhu menyebabkan kemarahan orang yang berada di luar tidak dapat dirasai oleh orang yang berada di dalam. Sifatnya yang kalis cahaya pula menghalang orang yang berada di dalamnya daripada melihat nasihat atau ancaman yang berada di luarnya.

Seterusnya, walaupun pendinding ini kuat dan menyelesaikan, sifatnya yang ringan membolehkan ia dibuka dengan mudah dari dalam. Namun begitu, cara untuk membukanya perlulah diketahui iaitu daripada tepi dengan cara mencungkil pada kelilingnya. Cara ini samalah seperti seorang motivator yang perlu mendekati orang yang berada di dalam masalah itu dengan cara yang dekat dan mencungkil segala isi hatinya untuk mengetahui masalah yang berlaku.

Berikutnya, sifat keras pendinding ini dapat dipetakan kepada sifat malas yang terlalu keras untuk dipecahkan. Sifat pendinding yang tahan lama pula dipetakan kepada sifat manusia yang tebal telinga yang mampu bertahan (buat-buat bodoh) terhadap nasihat orang lain dengan cara tidak mempedulkannya.

4.2.3.3 Penolakan Haiwan dan PENDING Lain

Orang Melayu mempunyai beberapa pilihan untuk memetakan sifat orang yang berada di dalam pendinding ini. Antaranya, burung dalam sangkar, ikan dalam akuarium, dan binatang dalam zoo. Namun begitu, haiwan dan pendinding lain ini jauh daripada makna abstrak yang ingin disampaikan menerusi akal budi orang Melayu.

Bagi burung dalam sangkar, burung bukanlah haiwan yang mirip dengan ciri manusia. Malah, burung ini dipelihara dan diberi makanan, selain disayangi dan dibelai oleh tuannya. Walaupun dikurung, burung ini dapat dilihat dari luar. Tuannya juga sentiasa menjaga kebersihan kurungan haiwan ini dan haiwan itu sendiri. Burung itu sendiri tidak rela dirinya dikurung. Jika ada peluang, burung tersebut akan melarikan diri. Hal yang sama berlaku pada ikan dalam akuarium dan binatang dalam zoo.

Keadaan ini berbeza daripada katak yang tidak ada sesiapa yang ingin mempedulkannya. Katak juga masuk sendiri ke dalam tempurung tanpa ada pihak lain yang memasukkannya ke dalam tempurung tersebut. Malah, tiada sesiapa yang akan memberikannya makanan dan kasih sayang. Katak juga boleh hidup lama di bawah tempurung, tidak seperti burung, ikan dan haiwan lain. Oleh sebab saiz tempurung yang kecil, katak hanya duduk tidak bergerak di bawah tempurung. Sebaliknya, burung, ikan dan haiwan lain tidak mungkin duduk diam begitu sahaja dalam kurungan

masing-masing, apatah lagi jika tempat kurungannya sempit. Ruang yang sempit menyebabkan burung, ikan dan haiwan lain ini berasa tertekan, seterusnya dapat menjejaskan kesihatan dirinya dan tidak mustahil untuk menyebabkan dirinya mati selepas itu.

Oleh sebab itu, dapat dikatakan bahawa katak di bawah tempurung atau orang di bawah pendinding ini sengaja memilih untuk berada dalam suasana terlindung. Walaupun mempunyai potensi besar dalam hidup dan mampu untuk keluar, tetapi disebabkan oleh sifat malas, ia kekal di situ, seterusnya menyebabkan ia terpisah daripada maklumat dunia luar yang menyebabkan ia jahil dalam pelbagai perkara.

5. Kesimpulan

Berdasarkan satu simpulan bahasa dan satu perumpamaan yang dibincangkan ini, wujudnya hubungan yang boleh dipetakan antara objek haiwan dalam metafora dengan makna yang hendak disampaikan seperti yang dinyatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2020). Pemetaan makna abstrak kelajuan dan kejahilan disebabkan kemalasan kepada makna konkrit lipas dan katak, masing-masing ini menyerlahkan akal budi bangsa Melayu yang mencipta metafora tradisional ini. Akal budi yang lebih difahami sebagai kebijaksanaan orang Melayu ini terserlah bukan sahaja dari segi pemilihan objek konkrit tersebut, tetapi juga penolakan objek konkrit yang lain yang jika dilihat atau difikirkan sekali lalu, seolah-olah boleh menggantikan objek yang dipilih itu, tetapi hakikatnya objek konkrit lain yang ditolak itu langsung tidak mampu menepati makna abstrak yang dihayati oleh penghasil metafora tersebut. Kajian metafora tradisional ternyata relevan dengan pendekatan semantik inkuisitif. Jelasnya bukan sahaja makna tersirat dapat dicungkil, bahkan kebijaksanaan bangsa Melayu juga dapat diserlahkan kerana mampu mengaitkan objek abstrak dengan makna konkrit seterusnya memperlihatkan falsafah di sebalik penciptaan metafora tradisional Melayu.

Rujukan

- 10 fakta serangga yang paling luar biasa. *THEMAGAZINE*. Dicapai pada 22 Januari 2021, daripada <https://ms.icreb.org/5116-10-most-incredible-insect-facts.html>
- 4 Tanda Mudah Kehadiran Lipas. MY NEW PEST CONTROL. Dicapai pada 16 Disember 2020, daripada <https://mynewpestcontrol.wordpress.com/2018/09/28/4-tanda-mudah-kehadiran-lipas/>
- 7 Sifat Teladan yang Patut Kita Ditiru Dari Seekor Katak. IDNTIMES. Dicapai pada 1 Disember 2020, daripada <https://www.idntimes.com/life/inspiration/ramdan-7/7-sifat-teladan-yang-patut-kita-ditiru-dari-seekor-katak-c1c2/5>
- Abdullah Hussain. 2016. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anupum Pant. Is Cheetah No Longer the Fastest Land Animal? Awesci.com. Dicapai pada 14 Januari 2021, daripada <http://awesci.com/is-cheetah-no-longer-the-fastest-land-animal/>
- Binatang Termalas di Dunia Ternyata Katak, Bukan Keong. Wartakotalive.com. Dicapai pada 31 Disember 2020, daripada <https://wartakota.tribunnews.com/2015/07/16/binatang-termalas-di-dunia-ternyata-katak-bukan-keong>
- Charles Choi. 2007. Fact or Fiction?: A Cockroach Can Live without Its Head. Dicapai pada 5 Januari 2021, daripada <https://www.scientificamerican.com/article/fact-or-fiction-cockroach-can-live-without-head/>
- Christie. Rahasia Katak Tidur Tahunan Tanpa Makan dan Air. Dicapai pada 5 Januari 2021, daripada <https://www.liputan6.com/tekno/read/235380/rahasia-katak-tidur-tahunan-tanpa-makan-dan-air>
- Cockroach Antennae. SCHOLARPEDIA. Dicapai pada 6 Januari 2021, daripada http://www.scholarpedia.org/article/Cockroach_antennae#:~:text=Cockroach%20antennae%20have%20been%20extensively,role%20for%20perceiving%20physical%20objects.

- Douglas Fox. 2007. Consciousness in a Cockroach. Dicapai pada 28 Disember 2020, daripada <https://www.discovermagazine.com/mind/consciousness-in-a-cockroach>
- Frog. Britannica. Dicapai pada 23 Disember 2020, daripada <https://www.britannica.com/animal/frog>
- Frogs have unique ability to see color in the dark. ScienceDaily. Dicapai pada 5 Januari 2021, daripada <https://www.sciencedaily.com/releases/2017/02/170228131001.htm>
- Hishamudin Isam, Nor Fazilah Noor Din, Mashetoh Abd Mutalib & Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail. 2018. Kekwat: Di Mana Bahasa dan Akal Budi Bangsa Kita? *Jurnal Linguistik*. 22 (1): 1-17.
- HORNE'S PEST CONTROL. Dicapai pada 14 Januari 2021, daripada <https://www.hornespestcontrol.com/cockroaches/>
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. 2017. Refleksi Dualisme Durian-Timun dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*. 21(2): 1-14.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. 2016. Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 4(1): 31-42.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua. 2015. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katak oh katak. zulsadon.com. Dicapai pada 14 Januari 2021, daripada <https://zulsadon.com/katak-oh-katak/>
- Kegunaan Tempurung Kelapa. ewaliman.blogspot. Dicapai pada 22 Disember 2020, daripada <https://ewaliman.blogspot.com/2020/02/deb.html>
- Koboi Ternak Trading. Dicapai pada 22 Disember 2020, daripada https://web.facebook.com/KoboiTernakTrading/posts/sifat-manusia-dengan-katakletakkan-katak-hidup-di-dalam-air-mendidih-adakah-ia-a/878693472258108/?rdc=1&rd_rdr
- Korpus DBP. <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>
- Maulana al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Unsur Burung dalam Pantun: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(1): 1-15.
- Mengapa kulit katak selalu basah dan lembab. Tarahap. Dicapai pada 2 Januari 2021, daripada <https://www.tarahap.xyz/2019/10/kulit-katak-selalu-basah-dan-lembab.html>
- Muhammad Zaid Daud. 2018. Domain Rezeki dalam Peribahasa Melayu Berorientasikan Aves Melalui Perspektif Semantik Inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*. 3(1): 19-28.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2020. Objek dalam Metafora dan Akal Budi Melayu. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 13(2): 199-222.
- Onerichtechology. Dicapai pada 2 Januari 2021, daripada <https://onerichtech.wordpress.com/2016/07/27/apakah-maksudnya-ibarat-katak-di-bawah-tempurung/>
- Physics Stack Exchange. Dicapai pada 2 Januari 2021, daripada <https://physics.stackexchange.com/questions/178837/inertia-vs-momentum>
- Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi. Babi hutan masuk bandar. Dicapai pada 2 Januari 2021, daripada myMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/04/43633/babi-hutan-masuk-bandar>.
- Siti Nur Izzaty Salit & Norsimah Mat Awal. 2017. Unsur Feminisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*. Vol. 21(2): 15-23.
- Siti Zainon Ismail. 2014. *Bijak Si Katak Bijak (Bahasa Jepun)*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Struktur kecoa - luaran dan dalaman. PestCtrl.BIZ. Dicapai pada 24 Disember 2020, daripada <https://ms.pestctrl.biz/tarakany/vse-o-tarakanah/skolko-nog-u-tarakanov/#i-3>
- Talal Al-Khatib. 2013. Cockroaches: The Ultimate Survivors: Photos. Seeker. Dicapai pada 20 Disember 2020, daripada <https://www.seeker.com/cockroaches-the-ultimate-survivors-photos-1767563045.html>
- Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet. 2020. Gajah dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*. 3(2): 134-146.
- Tom Weihmann, Pierre-Guillaume Brun & Emily Pycroft. 2017. Speed dependent phase shifts and gait changes in cockroaches running on substrates of different slipperiness. *Frontiers in Zoology*. 14:54.

Biodata Penulis

Mohd Syukri Anwar merupakan staf di Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka yang sedang melanjutkan pengajian sarjana dalam bidang linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Hashimah Jalaluddin (PhD) ialah professor di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau menjurus kepada Semantik, Pragmatik dan Geolinguistik.